

Cabaran guru dalam memperkasa profesionalisme keguruan era k-ekonomi



MINDA PENDIDIK

Roslee Talip

Bersama Mohd Yusof Abdullah,
Baharom Mohamad, Abdul Said
Ambotang, Shukri Zain dan Muhamad
Suhaimi Taat

UB 1107-2012 B4

KEDINAMIKAN perubahan profesion keguruan dalam masyarakat moden sentiasa dipengaruhi oleh pelbagai faktor dan dasar strategik seperti ekonomi, politik, perubahan sosial dan pembangunan nasional. Sehubungan dengan

pelbagai perubahan yang berlaku ini, profesion keguruan sebenarnya amat memerlukan pelbagai perubahan inovatif dan kreatif yang mampu menyesuaikan perjuangannya dengan cabaran-cabaran baru dunia masa kini.

Selaras dengan usaha transformasi ekonomi negara daripada pertanian kepada perindustrian, daripada masyarakat maklumat dan pengetahuan kepada masyarakat k-ekonomi, maka peranan profesion keguruan akan turut sama berubah dalam menzahirkan kurikulum dan seterusnya menjadikan profesion ini lebih relevan. Bagaimanapun, sekiranya profesion keguruan ini tidak bersifat responsif kepada perubahan dan cabaran tersebut, sebaliknya bersifat defensif dan konservatif maka profesion guru akan berhadapan dengan pelbagai dilema dalam era k-ekonomi. Dalam erti kata lain, kepentingan ekonomi perlu menjadi satu agenda yang diperjuangkan dalam profesion keguruan selaras dengan peranan dan matlamat pendidikan untuk membentuk masyarakat k-ekonomi.

Sehubungan dengan itu, perubahan k-ekonomi adalah merujuk kepada beberapa aspek kritikal seperti k-ekonomi itu sendiri adalah satu era modal manusia, meningkatkan kepentingan pekerja berpengetahuan, kepentingan pendidikan bagi mencipta modal manusia, pembelajaran sepanjang hayat dan kepentingan ICT dalam kehidupan. K-ekonomi sebenarnya adalah satu strategi yang mampu merangsang ke arah pertumbuhan ekonomi dan menjadikan negara kita lebih kompetitif dan produktif menerusi mekanisme yang dimainkan oleh sistem pendidikan yang ditambah baik. Dalam konteks pendidikan, wawasan dan gagasan pendidikan abad ke-21 negara adalah selari dengan aspirasi masyarakat k-ekonomi menerusi falsafah Pelan Induk Pembangunan Pendidikan dalam merealisasikan pembangunan modal insan (human capital).

Namun demikian, cabaran yang perlu digalas pada setiap bahu pendidik dan profesion keguruan amnya dalam menjana masyarakat k-ekonomi amatlah kritikal. Ia memerlukan profesion keguruan menilai kembali peranan baharu yang perlu dilaksanakan bagi membolehkan pendidikan dan profesion ini tidak terkeluar daripada arus perubahan k-ekonomi.

Cabaran pertama adalah untuk melahirkan golongan pelajar yang berpengetahuan, berkemahiran, berketrampilan, mengamalkan nilai dan sikap positif serta dinamik dan dapat menyumbang kepada kemajuan k-ekonomi. Pengetahuan merupakan suatu kekuatan dan modal yang penting untuk menjamin kejayaan seseorang dan pengetahuan tersebut mestilah sentiasa relevan, berguna dan mampu mengubah kehidupan. Dalam konteks ini, cabaran yang dihadapi oleh profesion keguruan ialah bagi melengkapkan golongan pelajar dengan kesemua elemen pengetahuan tersebut.

Cabaran kedua adalah untuk membentuk generasi pelajar yang kreatif dan inovatif untuk menghadapi kemajuan dan cabaran k-ekonomi. Profesion keguruan dalam k-ekonomi perlu mencetuskan perubahan baru yang segar supaya mampu menjadikan para pelajar lebih kreatif dan dinamik. Namun begitu, pelajar yang bakal dibentuk ini bukan sahaja kreatif dan inovatif dari segi pembelajaran, tetapi juga dari segi pemikiran, idea, pengetahuan, kemahiran, wawasan, jati diri dan semangat menghadapi perubahan k-ekonomi. Dalam konteks ini, para pendidik perlu bersifat terbuka dan sentiasa meningkatkan daya kreatif mereka agar dapat melahirkan pelajar yang mempunyai daya saing, inovatif dan kompetitif.

Cabaran ketiga dalam merealisasikan masyarakat k-ekonomi adalah kemampuan untuk menyediakan golongan pelajar dengan kemahiran dan pengetahuan revolusi maklumat atau ICT. Dalam konteks ini, profesion keguruan perlu meningkatkan lagi peratusan golongan pelajar yang celik komputer dan merapatkan jurang celik ICT yang masih wujud antara masyarakat bandar dan luar bandar (pembudayaan ICT).

Cabaran seterusnya adalah menyediakan generasi pelajar yang berkemampuan dan berdaya saing untuk menghadapi persaingan globalisasi. Ini adalah satu ciri dominan dalam k-ekonomi yang menjadikan persaingan lebih terbuka sebagai asasnya. Cabaran ini meletakkan peranan dan tugas guru tidak terbatas kepada objektif dan matlamat pendidikan yang sempit dan untuk kepentingan negara sahaja. Dalam konteks ini, pendidikan dan peranaan profesion keguruan ialah melahirkan warga Malaysia yang boleh mencapai kejayaan dan kegemilangan antarabangsa. Justeru itu, para pelajar perlu dipersiapkan dan dilengkapi dengan pengetahuan global, khususnya dalam bidang ekonomi, politik, sejarah, geografi, budaya dan persekitaran (global mind). Sehubungan dengan itu, peningkatan penguasaan dan kecekapan bahasa Inggeris untuk menjadikan Malaysia lebih kompetitif di arena antarabangsa juga tidak harus diketepikan. Dalam masa yang sama bahasa kebangsaan tidak harus dipinggirkan dalam era k-ekonomi.

Seterusnya adalah untuk membentuk generasi pelajar supaya lebih bersikap patriotik memajukan Malaysia. Generasi muda masa kini perlu disedarkan akan kepentingan mereka dalam memberikan sumbangan bermakna dan dalam masa yang sama tidak mudah luntur sifat jati diri. Penyuburan nilai patriotisme dalam kalangan pelajar masa kini begitu kritikal berikutan dengan kebanjiran nilai-nilai luar yang sentiasa menjadi trend dan ikutan jiwa remaja. Dalam konteks k-ekonomi pula, membina semangat patriotik bagi memajukan ekonomi merupakan satu agenda penting dalam pendidikan dan profesion keguruan kerana langkah ini akan membolehkan Malaysia membendung masalah ekonomi yang dihadapi seperti perdagangan bebas, kemelesetan ekonomi, ancaman globalisasi, pasaran terbuka dan sekatan perdagangan.

Cabaran profesionalisme keguruan dalam era k-ekonomi memerlukan guru memainkan peranan yang lebih progresif bagi menentukan pembentukan masyarakat yang berpengetahuan. Profesion keguruan harus menilai semula apakah sumbangan mereka ke arah merealisasikan wawasan dan sumbangan pendidikan dalam era k-ekonomi. Kemampuan pendidik dalam menangani semua cabaran k-ekonomi akan mengangkat martabat negara ke satu tahap yang amat dibanggakan.

* Penulis adalah Pensyarah di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah.